

## **Anwar Berjaya Memperbodohkan Penyokongnya Dengan Mengangkat Sumpah Bernama 25 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama anggota pembangkang yang lain mengangkat sumpah sebagai anggota Dewan Rakyat telah berjaya memperbodohkan penyokong mereka sendiri.

Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Seri Syed Ali Alhabshee berkata ketika Anwar bersama 88 Anggota Parlimen pembangkang selesa mengangkat sumpah, di luar bangunan Parlimen pula 200 aktivis pro-pembangkang tidur di atas jalan raya kononnya protes terhadap keputusan PRU ke-13.

"Ternyata lakonan Anwar untuk memperbodohkan penyokong pakatan pembangkang memang menjadi," katanya dalam laman blog [www.umnobahagiancheras.blogspot.com](http://www.umnobahagiancheras.blogspot.com).

Secara sinis Syed Ali berkata, ketika Anwar sedang menikmati jamuan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, aktivis berkenaan sanggup bergelut dengan polis kononnya untuk menunjukkan kesetiaan mereka kepada Anwar.

"Dalam episod ini, jelas aktivis tersebut telah diperbudak-budakkan oleh Anwar yang sememangnya pelakon handalan," katanya.

Syed Ali yang juga Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan tidak menolak kemungkinan aktivitis pro-pembangkang itu pada mulanya yakin Anwar dan wakil rakyat pembangkang akan berpegang kepada janji untuk tidak mengangkat sumpah.

Tetapi samalam kata beliau, jelas Anwar tidak mengotakan janji tersebut malah lakonannya untuk mengabui mata pengikutnya ternyata 'amat menjadi'.

Malah sebelum ini katanya, pembangkang beria-ia mengugut akan memulau persidangan Dewan Rakyat dan enggan mengangkat sumpah selagi tuntutan mereka tidak dipenuhi.

Tambah beliau lagi, ketika perhimpunan 505 di Padang Merbok, Kuala Lumpur Sabtu lalu, Anwar dan pemimpin pembangkang telah melancarkan provokasi terhadap penyokongnya bahawa mereka tidak akan hadir ke Parlimen selagi beberapa orang dalam SPR tidak meletakkan jawatan.

"Anwar pernah keluarkan kenyataan akan memulau persidangan Dewan Rakyat tetapi akhirnya semalam beliau muncul dan turut mengangkat sumpah dan ternyata penyokong pembangkang telah diperbodoh-bodohkan oleh Anwar," tegas Syed Ali.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan aktivis dan penyokong pembangkang supaya segera menghentikan kerja bodoh dan membuang masa seperti mana yang mereka lakukan sebelum ini. "Anwar dan rakan-rakannya bergelak ketawa dan menikmati makanan di Parlimen, yang 200 orang itu pula buat kerja bodoh, nampak sangat Anwar sengaja pekenakan penyokongnya sendiri yang terpaksa berdepan tindakan undang-undang," ujarnya.

"Jika mereka tidak percaya kepada prinsip demokrasi dan perjalanan pilihan raya, sudah pasti Anwar akan boikot sepertimana yang pernah dilaungkan selama ini," ujar Syed Ali.

Syed Ali berkata kesimpulannya, tuduhan Anwar terhadap SPR sebelum ini hanyalah sekadar lakonan untuk menaikkan moral pembangkang setelah mereka gagal menawan Putrajaya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=958651>